



**TAWARAN PENAJAAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT PERSEDIAAN DAN IJAZAH
PERTAMA DI BAWAH PROGRAM PENAJAAN NASIONAL (PPN)
TAHUN 2023**

1. PENGENALAN

Permohonan adalah dipelawa kepada pelajar terbaik lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2022 untuk mendapatkan penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) di bawah Program Penajaan Nasional (PPN) tahun 2023.

Calon-calon yang terpilih akan ditawarkan penajaan bagi mengikuti pengajian peringkat Persediaan sehingga Ijazah Pertama tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Bagi penajaan Ijazah Pertama, pelajar diberi pilihan **20 universiti yang ditetapkan dan disesuaikan berdasarkan *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2023/2024* mengikut bidang. Senarai 20 universiti ini melibatkan tiga buah negara yang dikenal pasti iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia.**

Program ini telah diperkenalkan mulai tahun 2010 dengan tujuan untuk menyediakan penajaan yang berprestij untuk pelajar lepasan SPM yang paling cemerlang dalam melahirkan modal insan yang berkualiti untuk menjamin kesinambungan keupayaan Negara pada masa akan datang.

2. PERINGKAT PENGAJIAN

Pelajar-pelajar yang ditawarkan penajaan di bawah program ini akan mengikuti Program A-Level selama 24 bulan. Pelajar akan ditempatkan di Kolej Yayasan

UEM (KYUEM) atau Kolej Tuanku Ja'afar (KTJ) sepanjang mengikuti program persediaan ini.

Penajaan akan dipertimbangkan kepada pelajar yang mendapat tempat pengajian di peringkat Ijazah Pertama dalam bidang dan institusi yang ditetapkan sahaja. Ringkasan penajaan mengikut peringkat pengajian adalah seperti berikut:

TEMPAT PENGAJIAN MENGIKUT PERINGKAT	
KURSUS PERSEDIAAN	IJAZAH PERTAMA
Pelajar-pelajar akan mengikuti kursus persediaan di Kolej Yayasan UEM (KYUEM) atau Kolej Tuanku Ja'afar (KTJ)	Pelajar-pelajar akan ditaja untuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama di universiti pilihan pelajar, tertakluk kepada senarai pilihan 20 universiti yang ditetapkan dan disesuaikan berdasarkan <i>Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2023/2024</i> mengikut bidang dan tiga buah negara yang dikenal pasti (Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia). Senarai pilihan berdasarkan <i>ranking</i> tahun 2023 seperti di LAMPIRAN 1 .
<p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Had Kecemerlangan Akademik (HKA) yang ditetapkan bagi peringkat persediaan adalah 14 mata A-Level bagi tiga subjek yang diambil, tanpa Gred C. ii. JPA menaja satu kali bayaran peperiksaan ujian Bahasa Inggeris (The International English Language Testing System (IELTS) atau Test of English as a Foreign Language (TOEFL)), manakala penajaan satu kali bayaran peperiksaan Scholastic Aptitude Test (SAT) tertakluk kepada peperiksaan tersebut merupakan syarat permohonan kemasukan ke universiti di Amerika Syarikat. 	

- iii. Sekiranya pelajar menamatkan kursus persediaan dan melempi HKA yang ditetapkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama namun tidak mendapat tempat di universiti seperti yang disenaraikan di **LAMPIRAN 1**, pelajar akan ditamatkan daripada program PPN dan boleh diserap masuk ke program dalam negara.
- iv. Sekiranya pelajar yang ditaja tidak menamatkan kursus persediaan atau menamatkan kursus persediaan tetapi gagal melepasi HKA yang ditetapkan, penajaan pelajar boleh ditamatkan.

3. BIDANG PENGAJIAN

Bagi PPN Tahun 2023, pelajar boleh memilih untuk menyambung pengajian dalam empat bidang pengajian yang ditetapkan seperti berikut:

Bidang pengajian	
(i)	Kejuruteraan dan Teknikal - seperti <i>Civil and Structural Engineering, Security Engineering, Biomaterials Engineering</i>
(ii)	Sains dan Teknologi - pilihan bidang Sains bagi pengajian di Amerika Syarikat terhad kepada bidang Sains Semula jadi, Matematik dan Statistik, serta Pertanian, Perhutanan dan Perikanan
(iii)	Sains Sosial - terhad kepada Sains Politik / Hubungan Antarabangsa, Kewangan / Perbankan, Perakaunan / Percukaian, Ekonomi, Psikologi
(iv)	Industri Kreatif - terhad kepada penerbitan filem/ TV, pengiklanan, seni reka, animasi dan kandungan digital, seni visual, penulisan kreatif

3.1 Kursus-kursus yang diikuti di peringkat Ijazah Pertama hendaklah mendapat akreditasi penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan mendapat pengiktirafan penuh Badan-badan Profesional bagi kursus-kursus profesional.

- 3.2 Bidang pengajian yang **tidak ditaja** adalah perubatan, pergigian, farmasi, pendidikan, kejururawatan, kursus yang mewajibkan pelajar mengambil lesen seperti lesen penerbangan dan kursus profesional seperti ACCA dan *Certificate in Legal Practice* (CLP).

4. SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus permohonan seperti berikut:

4.1 Syarat Umum

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Mempunyai kesihatan yang baik;
- (iii) Ibu dan/atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- (iv) Menduduki peperiksaan **SPM 2022 buat kali pertama** di mana-mana sekolah menengah termasuk sekolah khas, sekolah swasta atau calon-calon persendirian;
- (v) Umur belum mencapai 19 tahun (20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki; dan
- (vi) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama.

4.2 Syarat Khusus

Memperoleh keputusan **sekurang-kurangnya 9A+ bagi mata pelajaran berikut:**

- (i) Bahasa Melayu;
- (ii) Bahasa Inggeris;
- (iii) Matematik;
- (iv) Sejarah;
- (v) Matematik Tambahan;

- (vi) Fizik;
- (vii) Kimia;
- (viii) Pendidikan Islam/ Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah/
Pendidikan Syariah Islamiah/ Pendidikan Moral/ Usul Al-Din/ Al-Syariah/ Turath Al-Quran Wa Al-Sunnah/ Turath Dirasat Al-Islamiah; dan
- (ix) Satu (1) mata pelajaran lain;

DAN JIKA ADA

Memperoleh **minimum gred A-** bagi semua mata pelajaran lain.

5. MEKANISME PERJANJIAN PINJAMAN

Selaras dengan Model Baharu Penajaan 2016, penajaan program ini adalah dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU). Perjanjian pinjaman dikuatkuasakan mengikut empat keadaan seperti berikut:

- (i) Pinjaman ditukar kepada biasiswa penuh dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam setelah tamat pengajian;
- (ii) Bayaran balik sebanyak 25% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) setelah tamat pengajian;
- (iii) Bayaran balik sebanyak 50% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara setelah tamat pengajian; dan
- (iv) Selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki membayar balik sepenuhnya nilai pinjaman.

6. PERMOHONAN

Calon yang berminat perlu mengisi profiling secara dalam talian (*online*) di <http://esilav2.jpa.gov.my/> yang dibuka **khusus kepada senarai calon yang dipaparkan dalam laman web berkenaan sahaja.**

- 6.1 Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini dan meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. **Sebarang perubahan maklumat permohonan selepas tarikh tutup tidak akan diterima.**
- 6.2 Calon diwajibkan mengambil dan melengkapkan **ujian psikometrik** yang akan dibuka mulai 12 Jun 2023 (12.00 tengah hari) hingga 16 Jun 2023 (11.59 malam) melalui Sistem eProfiling. Calon yang tidak menduduki ujian psikometrik ini adalah dikira gagal dan tidak layak ditawarkan penajaan.
- 6.3 Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan Ujian Psikometrik** dan **Slip Pengesahan Permohonan Program Penajaan Nasional Tahun 2023** sebagai bukti permohonan telah dibuat.
- 6.4 Permohonan bagi calon yang ingin menggunakan hasil keputusan semakan semula SPM tidak akan dipertimbangkan sekiranya diterima selepas tarikh tutup permohonan iaitu pada 16 Jun 2023.

Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal boleh dibuat dengan menghubungi talian *call centre* iaitu **03-8885 3297** mulai **12 hingga 16 Jun 2023 (hari bekerja sahaja)** dari jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang.

Calon juga boleh mengemukakan pertanyaan menerusi e-mel lepasanspm2023@jpa.gov.my (e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja).

7. **STUDENT ASSESSMENT CENTRE (SAC)**

Program SAC dijadualkan berlangsung secara fizikal mulai **10 hingga 14 Julai 2023 mengikut zon pusat temu duga**. Calon yang melepasi syarat sahaja akan dipanggil untuk menghadiri SAC. Tujuan SAC adalah bagi menyediakan profil interpersonal pelajar dan menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA.

8. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **16 Jun 2023 (Jumaat) jam 11.59 malam**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

9. **TARIKH-TARIKH PENTING**

Aktiviti	Tarikh / Hari
Permohonan dibuka	12 Jun 2023 (Isnin) 12.00 tengah hari
Permohonan ditutup	16 Jun 2023 (Jumaat) 11.59 malam
Ujian Psikometrik	12 Jun 2023 (12.00 tengah hari) – 16 Jun 2023 (11.59 malam)
Semakan Panggilan <i>Student Assessment Centre (SAC)</i>	4 Julai 2023 (Selasa) 12.00 tengah hari – 9 Julai 2023 (Ahad) 11.59 malam
Tempoh SAC	10 Julai 2023 (Isnin) – 14 Julai 2023 (Jumaat)
Jangkaan Keputusan	4 Ogos 2023 (Jumaat) 12.00 tengah hari

10. **KEPUTUSAN PERMOHONAN**

Keputusan penajaan ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang <http://www.jpa.gov.my> atau <http://esilav2.jpa.gov.my/> pada **4 Ogos 2023 (Jumaat)**. Sekiranya pelajar tidak menerima sebarang notifikasi dalam tempoh 90 hari selepas tarikh keputusan, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

11. HAK KERAJAAN

- 11.1 Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa. Pihak Kerajaan tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

- 11.2 JPA boleh membuat sebarang perubahan kepada program penajaan ini pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.

- 11.3 JPA boleh menarik balik tawaran penajaan sekiranya didapati perlu tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

TAMAT

**SENARAI PILIHAN UNIVERSITI MENGIKUT BIDANG
PROGRAM PENAJAAN NASIONAL TAHUN 2023**

Bagi penajaan Ijazah Pertama, pelajar diberi pilihan 20 universiti yang ditetapkan dan disesuaikan berdasarkan *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2023/2024* mengikut bidang dan 3 buah negara yang dikenal pasti (Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia). Senarai universiti mengikut bidang yang dinyatakan di bawah adalah berdasarkan ranking tahun 2023 yang disesuaikan:

Bidang pengajian JPA bagi PPN : Kejuruteraan & Teknikal

Kod Pendidikan Nasional (NEC) 2020 : 07 - Kejuruteraan, pembuatan dan pembinaan

Ranking QS yang dirujuk : Engineering and Technology

Rank QS	Senarai JPA	Universiti	Negara
1	1	Massachusetts Institute of Technology (MIT)	United States
2	2	Stanford University	United States
3	3	University of Cambridge	United Kingdom
4	4	University of Oxford	United Kingdom
5	5	University of California, Berkeley	United States
6	6	Imperial College London	United Kingdom
8	7	Harvard University	United States
10	8	California Institute of Technology (Caltech)	United States
12	9	Georgia Institute of Technology	United States
15	10	Carnegie Mellon University	United States
17	11	University of California, Los Angeles	United States

Rank QS	Senarai JPA	Universiti	Negara
19	12	University of Illinois at Urbana-Champaign	United States
23	13	University of Texas at Austin	United States
25	14	Purdue University	United States
26	15	University of Michigan-Ann Arbor	United States
32	16	The University of Manchester	United Kingdom
34	17	Princeton University	United States
35	18	Cornell University	United States
=39	19	University College London (UCL)	United Kingdom
=45	20	University of California, San Diego (UCSD)	United States

Bidang pengajian JPA bagi PPN : Sains & Teknologi

Kod Pendidikan Nasional (NEC) 2020 : 05 - Sains semulajadi, Matematik dan Statistik
06 - Teknologi Maklumat dan Komunikasi
08 - Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Veterinar
09 - Kesihatan dan Kebajikan

Ranking QS yang dirujuk : - Engineering and Technology
- Life Sciences and Medicine
- Natural Sciences

Nota:

(i) Pilihan sub-bidang Sains bagi pengajian di Amerika Syarikat terhad kepada bidang Sains Semula jadi, Matematik dan Statistik, serta Pertanian, Perhutanan dan Perikanan.

(ii) Contoh-contoh bidang S&T ialah *Computer Science & Information Systems, Geophysics, Materials Science, Manufacturing Engineering Technology, Statistical Computing and Operations Research* dan *Applied Mathematics with Computing*

Rank QS		Senarai JPA	Universiti	Negara
Engineering and Technology	1	1	Massachusetts Institute of Technology (MIT)	United States
Engineering and Technology	2	2	Stanford University	United States
Engineering and Technology	3	3	University of Cambridge	United Kingdom
Engineering and Technology	4	4	University of Oxford	United Kingdom
Engineering and Technology	5	5	University of California, Berkeley	United States
Engineering and Technology	6	6	Imperial College London	United Kingdom
Engineering and Technology	8	7	Harvard University	United States

Rank QS		Senarai JPA	Universiti	Negara
Engineering and Technology	10	8	California Institute of Technology (Caltech)	United States
Engineering and Technology	12	9	Georgia Institute of Technology	United States
Engineering and Technology	15	10	Carnegie Mellon University	United States
Engineering and Technology	17	11	University of California, Los Angeles	United States
Engineering and Technology	19	12	University of Illinois at UrbanaChampaign	United States
Natural Sciences	=11	13	University of Chicago	United States
Life Sciences and Medicine	3	14	John Hopkins University	United States
Life Sciences and Medicine	8	15	University of California, San Francisco	United States
Life Sciences and Medicine	9	16	University College London	United Kingdom
Life Sciences and Medicine	12	17	King's College London	United Kingdom
Life Sciences and Medicine	14	18	Yale University	United States
Life Sciences and Medicine	15	19	University of California, San Diego	United States
Life Sciences and Medicine	16	20	University of Washington	United States
Life Sciences and Medicine	17	21	University of Pennsylvania	United States
Life Sciences and Medicine	=18	22	Columbia University	United States
Life Sciences and Medicine	=18	23	Cornell University	United States
Life Sciences and Medicine	20	24	The University of Melbourne	Australia

Bidang pengajian JPA bagi PPN : Sains Sosial, terhadap kepada
- Sains Politik / Hubungan Antarabangsa
- Kewangan / Perbankan
- Perakaunan / Percukaian
- Ekonomi
- Psikologi

Kod Pendidikan Nasional (NEC) 2020 : 03 - Sains Sosial, Kewartawanan dan Maklumat
 04 - Perniagaan, Pentadbiran dan Perundangan

Ranking QS yang dirujuk : Social Sciences and Management

Rank QS		Senarai JPA	Universiti	Negara
Social Sciences and Management	1	1	Harvard University	United States
Social Sciences and Management	2	2	University of Oxford	United Kingdom
Social Sciences and Management	3	3	Stanford University	United States
Social Sciences and Management	4	4	Massachusetts Institute of Technology (MIT)	United States
Social Sciences and Management	5	5	The London School of Economics and Political Sciences	United Kingdom
Social Sciences and Management	6	6	University of Cambridge	United Kingdom
Social Sciences and Management	7	7	University of California, Berkeley	United States
Social Sciences and Management	8	8	Yale University	United States
Social Sciences and Management	9	9	University of Chicago	United States

Rank QS		Senarai JPA	Universiti	Negara
Social Sciences and Management	10	10	Columbia University	United States
Social Sciences and Management	11	11	University of California, Los Angeles	United States
Social Sciences and Management	12	12	University of Pennsylvania	United States
Social Sciences and Management	13	13	New York University	United States
Social Sciences and Management	=15	14	Princeton University	United States
Social Sciences and Management	20	15	University of MichiganAnn Arbor	United States
Arts & Humanities	10	16	The University of Edinburgh	United Kingdom
Arts & Humanities	11	17	University College London	United Kingdom
Arts & Humanities	18	18	King's College London	United Kingdom
Social Sciences and Management	=24	19	The University of Melbourne	Australia
Arts & Humanities	=23	20	London Business School	United Kingdom

Bidang pengajian JPA bagi PPN : **Industri Kreatif, terhadap kepada**

- **penerbitan filem / TV**
- **pengiklanan**
- **seni reka**
- **animasi dan kandungan digital**
- **seni visual**
- **penulisan kreatif**

Kod Pendidikan Nasional (NEC) 2020 : 02 - Sastera dan Kemanusiaan
 03 - Sains sosial, Kewartawanan dan Maklumat
 04 - Perniagaan, Pentadbiran dan Perundangan

Ranking QS yang dirujuk : - Arts & Humanities
 - Social Sciences and Management

Rank QS	Senarai JPA	Universiti	Negara
1	1	Harvard University	United States
2	2	University of Cambridge	United Kingdom
3	3	University of Oxford	United Kingdom
4	4	Stanford University	United States
5	5	University of California, Berkeley	United States
6	6	Yale University	United States
=7	7	Columbia University	United States
=7	8	New York University	United States
9	9	University of California, Los Angeles	United States
10	10	The University of Edinburgh	United Kingdom
11	11	University College London	United Kingdom
12	12	Massachusetts Institute of Technology (MIT)	United States
13	13	Princeton University	United States

Rank QS	Senarai JPA	Universiti	Negara
14	14	University of Chicago	United States
18	15	King's College London	United Kingdom
22	16	University of Michigan-Ann Arbor	United States
=24	17	The University of Melbourne	Australia
=24	18	The University of Sydney	Australia
=29	19	Cornell University	United States
31	20	The London School of Economics and Political Science (LSE)	United Kingdom